

# Ubah persepsi mengenai kerjaya bidang pertanian

BERITA HARIAN  
2/4/2018 p. 028

**Serdang:** Persepsi bahawa bidang pertanian tidak glamor perlu diubah sesetengah masyarakat dan pendedahan yang tepat perlu diberikan kepada murid sekolah.

Pegawai Pertanian Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia (UPM), Puan Mahani Amat @ Halimi, berkata alasan bosan atau pilihan kerjaya terakhir untuk menampung kehidupan adalah tidak tepat tanpa mereka mengetahui peluang pekerjaan luas dalam bidang itu.

## Sumber utama dunia

Katanya, pertanian makanan menjadi antara sumber utama dunia dan aktiviti import serta eksport berlaku sepanjang masa.

“Bagi menarik minat murid terhadap pertanian, pelbagai usaha dilakukan, termasuk mengadakan lawatan sambil belajar ke universiti awam (UA), institusi pertanian dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

“Contohnya, antara program dilaksanakan di UCTC UPM



Puan Mahani Amat @ Halimi

adalah Jom! Cilik Pertanian yang memberi panduan kepada peserta mengenai kemahiran pertanian menggunakan bahan kitar semula,” katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Puan Mahani berkata, penggunaan teknologi pintar atau gajet tidak boleh dipisahkan dengan generasi muda seolah-olah ia sudah sehati dengan diri mereka.

## Aplikasi pertanian

Bagaimanapun, katanya, ia boleh diaplikasi secara berfaedah seper-

ti menggunakan enjin carian di internet bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai pertanian.

“Terdapat juga pelbagai aplikasi mengenai panduan pertanian cuma persoalannya sama ada kita mahu menggunakannya atau sebaliknya.

“Seseorang itu mungkin akan terus menganggap sektor pertanian sebagai kerjaya ‘miskin’, sedangkan hakikatnya ia memberi pulangan berlipat ganda jika diusahakan dengan betul,” katanya.